

© 2015 Kementerian Pendidikan Singapura
© 2015 Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan
Bahasa Melayu

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh



Ministry of Education
SINGAPORE



Malay Language Learning
and Promotion Committee

Kementerian Pendidikan Singapura
dan
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu

Marshall Cavendish Education
Times Centre, 1 New Industrial Road, Singapore 536196
Customer Service Hotline: (65) 6213 9444
E-mail: tmesales@mceducation.com
Website: www.mceducation.com

Marshall Cavendish is a registered trademark of Times Publishing Limited

First published 2015


Tiga Sekawan
ISBN 978-981-01-2956-9

Printed in Malaysia



"Tiga Sekawan"

ditulis oleh
Zalinah Hassan



Malay Language Learning
and Promotion Committee

SEKAPUR SIRIH




Encik Hawazi Daipi
*Setiausaha Parliment Kanan
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga Manusia
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC)*

Sejajar dengan matlamat pembelajaran Bahasa Ibunda ‘Pelajar Aktif, Pengguna Cekap’, salah satu saranan adalah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pembelajaran dan penggunaan bahasa Ibunda. Banyak juga yang masih boleh dilakukan untuk menambah kepelbagaiannya bahan bacaan dan mencari cara-cara yang kreatif untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid. Oleh itu, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC) telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan guru-guru membina bahan bacaan yang sesuai dalam konteks kehidupan di Singapura.

Projek yang julung-julung kali diusahakan ini bertujuan untuk memupuk minat dan tabiat suka membaca bahan bacaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah. Kedua, usaha ini memperbanyak bahan bacaan yang berlatarbelakangkan Singapura supaya murid dapat didedahkan kepada sejarah dan budaya masyarakat di Singapura.

Kepada guru-guru yang telah menyumbang dalam penulisan buku cerita ini, saya mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih atas kerjasama ini. Saya berharap agar usaha anda akan berterusan demi menghasilkan karya-karya yang dapat menyokong pembangunan murid yang cekap dan yakin dalam menggunakan bahasa ibundanya, serta bangga akan bahasa dan budayanya.



PENGHARGAAN

Para Penulis Buku (Darjah 2)



Roslie Buang Sidik	Cef Nabil
Siti Nurbayah Abdul Rahman	Coklat Kami
Hairani Asri	Aku Bangga, Singapuraku
Nirwana Haliza Mohd Halil	Saya Suka Piala Itu
Zalinah Hassan	Tiga Sekawan
Nur Namira Mazlan	Kawan Baharu Kami, Lestario
Siti Hidayah Taha	Hidup Berjiran
Shaheda Salim	Topi Datuk
Nur Wahidah Sidik	Seronok ke Ladang Ternakan
Siti Hana Satipan	1965

Pengurusan Pembinaan Buku




Sekretariat MLLPC	Rashidah Mohamed Rafei
Penasihat Projek	Farizan Mohd Amin
Konsultan	Siti Noraini Ibrahim
Editor	Haslindah Mispan
	Dr Saeda Buang
	Patimah Jaludin





“Tiga Sekawan”

ditulis oleh
Zalinah Hassan



Nabil dan Nabilah gemar membaca.
Pada hari Sabtu yang lalu, mereka telah
pergi ke perpustakaan.

PERPUSTAKAAN



Nabilah ternampak sebuah buku. Buku itu bertajuk 'Tiga Sekawan'. Tanpa membuang masa, mereka terus membaca buku itu.



Mereka pulang ke rumah dengan perasaan gembira.

PERPUSTAKAAN



Selepas makan malam, Nabilah menolong ibu mencuci pinggan. Selepas itu, dia terus ke biliknya. Dia mahu terus membaca buku itu.



Tiba-tiba, congkak mini menjelma dari buku itu.



Nabil mendengar suara orang di dalam bilik. Dia ternampak Nabilah berbual-bual dengan congkak mini.

Saya ingin membawa Nabil
dan Nabilah berjumpa
dengan kawan-kawan saya.





Nabil dan Nabilah dibawa ke karnival permainan. Tempat itu sungguh meriah. Ramai kanak-kanak sedang bermain.





Nabil dan Nabilah,
ini kawan saya, Gasing.





Saya dibuat daripada kayu.
Tali gasing saya pula dibuat
daripada kulit pokok. Saya
dimainkan di tempat yang luas
agar bergerak dengan ligat.




Seronok bermain
gasing beramai-ramai.




Ini pula kawan-kawan
saya, Batu Seremban.





Saya dibuat daripada kain.
Isi saya kacang hijau lalu
saya dijahit. Batu seremban
ada lima biji.



Saya dimainkan di tempat yang lapang. Batu seremban dimainkan oleh dua orang atau lebih tetapi perlu ada lima biji.

Wah, seronoknya! Tidak
sabar saya mahu berkongsi
dengan ibu dan ayah.





Selamat tinggal,
kawan-kawan!



Mana tali gasing?



Mana gasing?

Gasing tidak boleh berpusing jika tiada tali.



**Emas dan gangsa hiasan kita,
Budaya bangsa jangan dilupa.**

